

Penyelidik UTHM diiktiraf

Raih 10 pingat, anugerah khas pada Pameran ITEX 2015

Oleh Mohamad Hanafis Abdul

Haris

am@hmetro.com.my

Batu Pahat

Sebanyak 10 pingat dan satu anugerah khas berjaya dirangkul Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sempena Pameran Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa ke-26 (ITEX 2015) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, bulan lalu.

Naib Canselor UTHM Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, kejayaan besar diperoleh universiti awam (UA) itu hasil penyelidikan menyeluruh dan berinovasi secara berterusan oleh kalangan penyelidiknya.

"Pada pertandingan itu, UTHM memperoleh satu anugerah khas, lima pingat emas, dua pingat perak dan tiga pingat gangsa.

"Kejayaan ini adalah usaha gigih beberapa unit fakulti UTHM, sekali gus membawa pulang pingat yang menjadi idaman institusi pengajian tinggi (IPT)," katanya ketika mengumumkan kejayaan UTHM

dalam pertandingan itu.

Beliau berkata, lebih 700 produk inovasi dipertandingkan membabitkan peserta daripada pelbagai IPT serta syarikat korporat, agensi kerajaan, persatuan inovasi dan individu perseorangan.

"Malah, pertandingan ini juga mendapat penyertaan daripada pelbagai negara luar seperti Iran, Korea, Poland, Russia, Taiwan, Vietnam, Arab Saudi, Filipina, China dan Hong Kong," katanya.

Menurutnya, pertandingan berkenaan diadili panel hakim dari negara luar dan dinilai melalui beberapa aspek termasuk keaslian idea, pembaharuan dan inovasi, sumbangan kepada masyarakat serta potensi untuk dikomersialkan.

"Pameran ini menjadi platform bagi membantu penyelidik untuk mewujudkan kerjasama dan hubungan dengan pihak luar selain mampu mengkomersialkan produk dihasilkan."

"Diharap dengan pertandingan seperti ini mampu melahirkan lebih ramai golongan pemikir yang kreatif dan berdaya saing," katanya.



PENYELIDIK UTHM bersama pingat dan anugerah diperoleh mereka.

"Pada pertandingan itu, UTHM memperoleh satu anugerah khas"

Dr Mohd Noh Dalimin